

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI PSIKOLOGI**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **SOSIAL**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
GRED JAWATAN/GAJI : **S41, S44, S48, S52, S54**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JULAI 2016**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,281.86); atau
 - (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains tingkahlaku berserta Diploma Psikologi Kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,281.86); atau
 - (iii) ijazah sarjana dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,690.70); atau
 - (iv) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang psikologi, psikologi klinikal atau kaunseling yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,997.32).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Psikologi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a)
 - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- TEMPOH PERCUBAAN**
- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S44**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED S48**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
 9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
 10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
 11. Pegawai Psikologi Gred S41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S44 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
 12. Pegawai Psikologi Gred S44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S48 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S52**

13. Pegawai Psikologi Gred S48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED S54**

14. Pegawai Psikologi Gred S52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Psikologi Gred S54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

15. Pegawai Psikologi Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Psikologi yang berkuat kuasa pada 1.1.2008 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 29 Tahun 2007).